



DASAR CUKAI PERKHIDMATAN BIL. 1/2020

PERLUASAN SKOP CUKAI PERKHIDMATAN

1. Berkuatkuasa **1 Januari 2020**, ruang (2) Jadual Pertama Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018 telah dipinda melalui Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan (Pindaan)(No.2) 2019 untuk:
 - 1.1. Memperluaskan skop perkhidmatan bercukai sedia ada; dan
 - 1.2. Perkhidmatan baharu sebagai perkhidmatan bercukai.
2. Kumpulan perkhidmatan yang terlibat adalah:
 - 2.1. **Kumpulan G** , ruang (2)
 - (a) Item (h) – Penyediaan perkhidmatan IT diperluaskan untuk meliputi pengedaran dan penjualan semula penyediaan perkhidmatan IT bagi pihak mana-mana orang;
 - (b) Item baharu (l) – Penyediaan medium elektronik yang membolehkan pembekal untuk menyediakan bekalan kepada pelanggan; dan
 - (c) Item baharu (m) – Penyediaan perkhidmatan digital termasuk transaksi bagi penyediaan perkhidmatan digital bagi pihak mana-mana orang.
 - 2.2. **Kumpulan I** , ruang (2)
 - (a) Item 2 – Penyediaan perkhidmatan telekomunikasi diperluaskan untuk meliputi penyediaan perkhidmatan digital; dan
 - (b) Item 8 – Penyediaan perkhidmatan pengiklanan diperluaskan untuk meliputi perkhidmatan pengiklanan digital.
3. **Pendaftaran dan Pengenaan Cukai:**
 - 3.1. **Orang Kena Cukai Baharu:**
 - (a) Dalam menentukan jumlah nilai perkhidmatan bercukai, penggunaan kaedah *historical* boleh digunapakai;
 - (b) Mana-mana orang yang menyediakan perkhidmatan bercukai baharu boleh berdaftar tidak lewat daripada 29 Februari 2020 berdasarkan seksyen 13 Akta Cukai Perkhidmatan 2018 sekiranya jumlah perkhidmatan bercukai dalam bulan Januari 2020 dan sebelas bulan sebaik sebelum bulan itu telah melebihi nilai RM500,000; dan
 - (c) Pendaftaran akan berkuatkuasa pada 1 Mac 2020 seperti yang dinyatakan di bawah seksyen 13(3).

- (d) Orang yang berdaftar perlu mengenakan cukai perkhidmatan bermula 1 Mac 2020.

3.2. Orang Berdaftar Sedia Ada

- (a) Mana-mana orang berdaftar yang menyediakan perkhidmatan baharu bercukai perlu membuat perubahan di dalam pendaftarannya; dan
- (b) Orang berdaftar perlu mula mengenakan cukai ke atas perkhidmatan baharu bermula tarikh perkhidmatan bercukai baharu itu didaftarkan.

4. Pengecualian Cukai Perkhidmatan

- 4.1. Sebarang pengecualian yang diberikan kepada orang kena cukai berkaitan dengan perkhidmatan tersebut perlu berkuatkuasa dari tarikh pendaftaran.
- 4.2. Sebarang pembayaran balik (*refund*) yang diberikan di bawah seksyen 34(3)(b) Akta Cukai Perkhidmatan 2018 kepada orang kena cukai perlu berkuatkuasa dari tarikh pendaftaran.

BAHAGIAN CUKAI DALAM NEGERI
IBU PEJABAT KASTAM DIRAJA MALAYSIA, PUTRAJAYA